

Pensejarahan Melayu dalam Zaman Pendudukan Jepun (1942-1945)

MUHD. YUSOF IBRAHIM

Seperti halnya dengan penulisan di dalam bidang-bidang lain, didapati bidang pensejarahan Melayu juga mengalami kekencatan dalam zaman Perang Dunia II dahulu. Ini tidaklah menghairankan kerana perang tersebut bukan sahaja telah menyebabkan pelbagai kekurangan bahan percetakan tetapi kawalan atau sekatan di pihak tentera Jepun juga merupakan sebab kekencatan itu. Oleh kerana itu hasil karya pensejarahan yang telah dihasilkan dalam tempoh kira-kira tiga setengah tahun itu, iaitu setakat yang dapat diketahui setakat ini, sangatlah berkurangan jika dibandingkan tempoh-tempoh sebelum itu. Ini khususnya dalam bentuk karya pensejarahan yang lengkap, khususnya dalam bentuk buku seperti beberapa banyak penerbitan yang telah dihasilkan sebelumnya. Malah dari segi ini keadaannya bukan sahaja sangat berkurangan, bahkan boleh dikatakan tiada langsung karya pensejarahan yang telah diterbitkan.

TEMPOH MENJELANG MELETUSNYA PERANG

Walau bagaimanapun bagi tempoh menjelang meletusnya perang itu di Tanah Melayu, iaitu kira-kira setahun dua sebelum lewat tahun 1941 itu dan pada tahun itu sendiri, masih terdapat beberapa buah karya pensejarahan telah diterbitkan. Umpamanya pada tahun 1939, Muhammad Said Sulaiman telah menghasilkan karya yang berjudul *Hikayat Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-negeri Berhampiran*.¹ Karya ini mengandungi 29 fasal dengan lebih separuh daripadanya (iaitu daripada 1-16) memperihalkan tentang asal usul kebangkitan, perkembangan dan keagungan Empayar Melayu Melaka dan juga catatan tentang beberapa buah kerajaan di Sumatera yang ada kaitan dengan Melaka, terutama sekali Palembang. Bahagian-bahagian yang seterusnya ialah mengenai kerajaan Johor-Riau dan juga beberapa negeri di Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah Singapura sebagai sebahagian daripada Negeri-negeri Selat.

Selepas itu pada tahun 1940, diterbitkan pula karya *Tarikh Surat Khabar* oleh Muhammad bin Dato Muda, dan sebuah karya terjemahan berjudul *Captain Cook*, oleh Abdul Rahman Yusof daripada karya Milton, iaitu yang mengisahkan riwayat hidup tokoh tersebut dalam pelayarannya dengan kapal *Endeavan* kerana menjalankan tugas membawa sekumpulan penjenayah mengharungi Lautan Pasifik dan akhir sampai ke Australia dan membawa petempatan penjenayah di situ (1770).³ Karya ini diikuti piula dengan sebuah penulisan oleh tokoh atau nasionalis yang sudah mula terkenal pada waktu itu iaitu Ibrahim

Yaakub, dengan judul *Melihat Tanah Air*.² Sungguhpun pada zahirnya karya ini seolah-olah merupakan sebuah catatan perjalanan sahaja, tetapi isu kandungannya menampakkan bahawa ia adalah sebuah karya politik yang telah menggunakan sejarah sebagai landasan penerangan serta penghuraiannya. Beliau telah menghuraikan sejarah sistem pemerintahan pentadbiran British di Tanah Melayu dengan terperinci sebagai latarbelakang bagi falsafah atau ideologi politiknya.⁵

Tetapi semua karya ini belumlah memasuki zaman Perang Jepun itu. Oleh yang demikian, isu kandungannya secara amnya tidaklah menggambarkan keadaan semasa perang itu akan perkara-perkara maupun peristiwa-peristiwa yang berkait dengannya kecualilah barangkali bagi karya Ibrahim Yaakub yang telahpun merakamkan semangat kebangsaan menentang Inggeris dan seterusnya hasrat memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan apabila Jepun berjaya mengalahkan pihak British di Tanah Melayu dan seterusnya menguasai dan mendudukinya, maka kita dapati pensejarahan yang dihasilkan dalam tempoh tersebut walaupun sedikit, bolehlah dikatakan semuanya bertujuan propaganda dan pembinaan semangat dan penentangan terhadap kuasa/penjajah British. Terawal antaranya ialah sebuah karya terjemahan oleh Muhammad Said Sulaiman, berjudul *Semangat Nippon yang Sebenarnya Diuraikan*.⁶

ISI KANDUNGAN SEMANGAT NIPPON

Dilihat dari segi isi kandungannya, karya ini meriwayatkan falsafah dan konsep keagamaan, kemasyarakatan dan ketenteraan Nippon [Jepun] yang menjadi asas kepada keupayaannya mencapai kemajuan dalam masa yang singkat, iaitu bermula daripada pengembalian kuasa Meiji pada T.M. 1869 itu. *Asahi*, iaitu pengarang karya ini mengatakan asas kejayaan orang Jepun itu ialah, '... semangat kesetujuan atau muafakat dan semangat kesabaran yang didasarkan kepada semangat *busyido* dan agama *syinto*'.⁷ Kemudian beliau secara tidak langsung menyelar agama Islam, Kristian dan Yahudi kerana D e n g a n memuatkan selaran atau kritikan terhadap orang-orang Cina dan lain-lain itu, nyatalah bahawa karya ini bukanlah semata-mata bertujuan meriwayatkan semangat Nippon yang sebenarnya. Walaupun nampaknya ia merupakan sebuah karya pensejarahan, namun sebagai sebuah penulisan zaman perang, ia juga merupakan risalah diayah untuk mempopularkan, serta mendapatkan simpati terhadap budaya dan agama Jepun serta tenteranya yang pada ketika itu telahpun menakluki Manchuria dan hampir seluruh Asia Tenggara. Sungguhpun ada beberapa selarannya itu memang mempunyai kebenaran, tetapi penerangannya yang singkat, sumber yang konkrit serta disiarkan pula dalam zaman perang yang diterajui oleh Jepun sendiri, maka motif diayah itu nampaknya lebih menonjol daripada motif yang lebih murni. Walau bagaimanapun karya ini adalah penting dari segi bentuk dan perkembangan pensejarahan Melayu. Dari

segi bentuknya ia boleh dikategorikan ke dalam klasifikasi pensejarahan sosiopolitik. Dari segi perkembangan pula ia adalah antara sebilangan kecil karya pensejarahan Melayu yang terhasil dalam zaman perang itu yang merupakan jambatan atau penghubung kepada perkembangan pensejarahan Melayu selepas perang nanti.

Demikian juga keadaannya dengan sebuah lagi karya pensejarahan Melayu yang boleh dianggap telah mula disusun dalam zaman perang tersebut. Karya tersebut berjudul *Riwayat Perang Dunia Kedua* (Penggal I) yang telah dikumpulkan dan disusun oleh pengarangnya, iaitu Syed Abdullah bin Abdul Hamid al-Edrus (atau Ederus atau Ahmad Lufti) sejak tahun 1944.¹² Dari segi tajuknya, karya ini memanglah nampak menarik. Tetapi bagi penggal pertama ini (penggal kedua tidak ditemui), pengarang tidaklah menyentuh tentang kaitan tanahair kita dalam Perang Dunia Kedua itu, ataupun keadaan tanahair semasa perang maupun dalam masa pendudukan Jepun itu. Tumpuan adalah kepada penghuraian sebab-sebab berlakunya perang yang besar itu yang menurut Edrus adalah berpunca daripada negara Jerman yang telah menjadi miskin, malah papa, akibat perbuatan mereka mencetuskan Perang Dunia Pertama (1914-1918) dahulu. Jerman menjadi 'bingung' menghadapi masalah kepapaan dan keadaan ekonomi yang kucar kacir. Mereka menghadapi kesukaran bagi menyelesaikan masalah tersebut. Dalam keadaan yang demikian mereka telah terpesona dengan seorang pemimpinnya yang sangat bijak berpidato sambil menjanjikan penyelesaian yang sewajarnya bagi masalah keruncingan ekonomi yang sedang mereka hadapi. Pemimpin itu ialah Adolf Hitler. Beliau berjanji akan dapat menyelesaikan pelbagai masalah rakyat Jerman dengan syarat mereka menyerahkan kepada beliau, '...segala-galanya dan ikutlah segala perintahnya, dan jika diturut segala kehendaknya itu, katanya akan terselamatlah negeri dan kerajaan'.¹³ Ketokohan, kepintarannya berpidato dan semangat yang tinggi dan cita-cita serta janji-janjinya yang menarik, maka rakyat Jerman telah memberikan sokongan penuh dan menganggapnya seolah-olah '... seperti al-Masih atau seperti Rasul'.¹⁴ Rakyat mereka memang sungguh terpesona terhadap Hitler, sehingga, mengikut Edrus lagi, '...mereka mengikut segala perintahnya sebagai lembu-lembu mengikut kehendak gembalanya, dibawanya ke sana ke sini dengan tidak berfikir apa-apa lagi ... baik dan senang disebut *Heil Hitler*, menangis dan sedikit disebut, *Heil Hitler* beginilah keadaan nasib utama Jerman yang telah naik bingung itu yang hilang kemerdekaan dalam segala-gala perkara'.¹⁵

Karya Edrus ini juga telah membicarakan tindak tanduk Hitler memperkuat negaranya dan seterusnya melancarkan cita-cita pembentukan dan perluasan kuasa Jerman di Eropah dengan melakukan serangan dan penaklukan ke atas beberapa negara lain. Serangan dan penaklukan ini akhirnya telah mencetuskan perang secara besar-besaran, iaitu secara rasminya bermula dengan pengisytiharan perang oleh Britain dan Perancis ke atas Jerman pada 3 September 1939. Karya ini berakhir pada tarikh Jerman membuat perjanjian

dengan Rusia, ...'kerana memikirkan menetapkan sempadan di antara keduanya dalam Poland'.¹⁶

Dilihat dari segi bentuknya karya ini sudah boleh dianggap sebagai sebuah karya pensejarahan moden, walaupun masih terdapat beberapa kata perbualan oleh tokoh-tokoh yang terlibat di dalamnya. Setakat ini ia juga satu-satunya karya pensejarahan Melayu yang telah diterbitkan dalam tempoh zaman Jepun itu yang telah membicarakan tentang Perang Dunia Kedua itu, walau isinya, iaitu bagi penggal pertama itu, tidaklah menyentuh peranan negara dan orang-orang Jepun dalam peperangan tersebut. Sebenarnya ada sebuah karya pensejarahan Melayu tentang Perang Dunia Kedua itu, iaitu berjudul *Hikayat Perang Dunia Kedua*, tetapi karya ini telah diterbitkan selepas tempoh kajian kita ini. Oleh kerana itu ia tidaklah diambilkira, walaupun isi kandungannya memang membicarakan tentang perang tersebut yang menurut penulisnya (yang tidak menyebutkan namanya) adalah disebabkan, '... oleh tamak dan haloba pihak kuasa pasak yang hendak membahagi-bahagikan Dunia Tua ini kepada tiga bahagian, iaitu Benua Eropah untuk Jerman, Benua Afrika untuk Itali dan Benua Asia untuk Jepun'.¹⁷

DI DALAM AKHBAR DAN MAJALAH

Pada hakikatnya kekurangan hasil penulisan dalam pensejarahan Melayu itu dapat juga dirasakan berlaku di dalam akhbar/majalah Melayu yang telah diterbitkan bagi tempoh zaman pendudukan Jepun itu. Malah penerbitan akhbar dan majalah itu sendiri sangatlah berkurangan jika dibandingkan dengan tempoh sebelum itu. Bagi tempoh zaman pendudukan Jepun itu dianggarkan hanya ada kira-kira 16 jenis suratkhbar/majalah Melayu yang telah diterbitkan, sedangkan sebelum itu, iaitu pada dekad 1930an sahaja sudah mempunyai sejumlah kira-kira 90 penerbitan.¹⁸ Seperti yang dijangkakan berlaku bagi suatu tempoh peperangan dan penguasaan pihak tentera, maka penerbitan semua akhbar/majalah dalam zaman tersebut terletak di bawah kuasa jabatan dakyah ataupun *Senden Bu* yang seterusnya dikuasai pula oleh pihak pentadbiran tentera atau *Gunseikan Bu*.¹⁹ Tujuan utama penguasaan pentadbiran tentera Jepun ke atas penerbitan akhbar/majalah itu ialah untuk menjadikannya sebagai alat dakyah seperti menyebarkan tentang kekuatan, keadilan dan kemenangan pihak Jepun, menyampaikan tujuan serta rancangannya dan menyekat kemasukan berita daripada pihak musuh.²⁰ Dengan keadaan yang demikian, maka setiap usaha penerbitan akhbar/majalah bukan sahaja mesti mendapat kebenaran kerajaan, tetapi adalah dikawal dan dikuasai oleh kerajaan. dan bagi menyesuaikan dengan keadaan adalah menjadi kebiasaan pula bagi kebanyakan penerbitan mereka sebagai memberi sokongan kepada pihak kerajaan, umpamanya dari segi menyebarkan dakyah membenci pihak musuh, meningkatkan perasaan memihak kepada kerajaan dan meningkatkan semangat kasihkan bangsa, tanahair dan

agama. Motif seperti inilah pula yang menjadi intipati kepada pelbagai jenis penulisan yang telah diterbitkan di dalam akhbar/majalah Melayu pada ketika itu. Keadaan yang demikian dapat juga kita lihat di dalam penulisan yang berbentuk pensejarahan, umpamanya seperti yang telah diterbitkan di dalam *Semangat Asia* dan *Fajar Asia*, iaitu dua buah majalah yang menjadi asas kajian kertas kerja ini.

PENSEJARAHAN DI DALAM SEMANGAT ASIA

Semangat Asia ini mula diterbitkan pada bulan Januari 1943, oleh Malai Sinbun Sya di *Syonan-to* atau Singapura.²¹ Di dalam kira-kira lapan keluaran yang dapat diteliti ada beberapa bentuk pensejarahan Melayu yang telah disiarkan di dalam majalah ini. Antaranya ialah pensejarahan negeri dan jurai keturunan raja-rajanya; pensejarahan peperangan, pensejarahan keagamaan dan tokoh-tokoh. Dalam pensejarahan yang berbentuk negeri dan jurai keturunan itu, antara karya yang telah disiarkan ialah sejarah Burma, Melaka, Asia dan Indonesia.²² Yang berbentuk peperangan pula Perang Russia-Jepun (1905) yang boleh dianggap sebagai sebuah terjemahan daripada catatan seorang anggota tentera laut Jepun yang telah menyertai peperangan tersebut. Sebuah lagi ialah penulisan tentang serangan itu peperangan Jepun ke atas Tanah Melayu (*Riwayat Peperangan Malai*) yang ditulis oleh Mohd Jihin bin Chor.²³

Bagi yang berbentuk keagamaan pula makalah-makalah seperti *Sejarah Nabi Kita* oleh H. Yunos dan *Jasa Islam* oleh Mohd. Sallehuddin memang boleh diterima sebagai penulisan pensejarahan.²⁵ Mengenai tokoh pula, ialah *Riwayat Hidup Laksamana Hang Tuah Panglima Tanah Melayu* yang dipadankan daripada *Hikayat Hang Tuah*, dan juga sebuah makalah yang menarik tentang tokoh wartawan 1930-an dan awal 1940-an, iaitu Abdul Rahim Kajai, berjudul, *Abdul Rahim Kajai; Mulanya Tukang Jilid Akhirnya Wartawan*, oleh Ata Melayu. Boleh dikatakan kesemua karya pensejarahan yang diterbitkan di dalam *Semangat Asia* ini adalah bertujuan menunjukkan keagungan, kekuatan dan ketokohan negeri, raja mahupun tokoh-tokoh yang dibicarakan. Burma misalnya dianggap mempunyai sejarah yang gilang gemilang sehinggalah ia diceroboh dan dijajah oleh pihak Inggeris. Dalam keadaan terjajah itupun raja-raja serta pemimpin-pemimpin kemudiannya berusaha dan berjuang bersungguh untuk menegakkan semula kedaulatannya. Melaka dan seterusnya Indonesia juga mempunyai sejarah dan peradaban yang agung sehinggalah masing-masing diceroboh dan dikuasai oleh Portugis dan Belanda. Namun perjuangan tokoh-tokohnya tetap berterusan untuk menegakkan semula kedaulatan masing-masing.

Demikianlah juga halnya dengan pensejarahan yang berbentuk peperangan itu. Dua penulisan yang telah disebutkan adalah menggambarkan tentang kehebatan negara Jepun dan pasukan tenteranya yang pada tahun 1905 telah dapat mengalahkan Rusia, sebuah negara yang jauh lebih besar daripadanya. Ia

juga telah berjaya menguasai Asia Timur dan Asia Tenggara (termasuklah Tanah Melayu-Malai) setelah meletusnya Perang Dunia II itu. Bagi tokoh Hang Tuah dan Abdul Rahim Kajai pula, penulis-penulisnya telah menggambarkan kejayaan dan kewibawaan masing-masing dalam bidang masing-masing; seorang menjadi pahlawan negara yang tidak ada tolok bandingnya dan yang seorang merupakan wartawan yang sangat berjaya dalam bidang persuratkhabaran/kewartawanan.

Dalam hal yang berbentuk keagamaan itu pula, *sejarah Nabi Kita* menyentuh tentang kegigihan serta ketinggian akhlak baginda dalam usaha menyebarkan serta mengamalkan agama Islam itu. *Jasa Islam* pula mencatatkan tentang pencapaian tamadun Islam dalam zaman kemajuan atau kegemilangannya. Pada ketika itu orang-orang Islam telah mencapai kemajuan yang tinggi di bidang sastera, falsafah, hisab, falak, kimia, perubatan dan perusahaan membuat kertas. Di bidang ilmu hisab orang-orang Islam telah mencipta angka 1-9.

PENSEJARAHAN DI DALAM FAJAR ASIA

Seperti majalah *Semangat Asia*, majalah *Fajar Asia* ini telah memuatkan pelbagai penulisan pensejarahan dalam tempoh penerbitannya dari bulan Januari 1943 - April 1944. Dalam tempoh tersebut ada kira-kira lapan judul yang boleh dikira sebagai berbentuk pensejarahan. Penulisan-penulisan meliputi bidang tokoh, negeri dan juga politik. Ada pula di antaranya telah diterbitkan secara bersiri, yakni bersambung-sambung dari satu jilid ke jilid yang seterusnya. Misalnya *Pengeran Diponegoro: Pahlawan Kesatria bangsa Indonesia*, (tiada nama penulis) diterbitkan sejumlah enam siri; *Tun Fatimah: Pahlawan Puteri Melayu Di zaman Melaka*, (oleh Mas Neng Nurafisah), enam siri; *Riwayat Malai Sepintas Lalu* (oleh Hamka), tiga siri; *Dol Said, Pahlawan Naning*, (tiada nama pengarang), enam siri dan *Mengembalikan Semula Kebesaran Bangsa*, (tiada nama pengarang), dua siri. Selain daripada yang bersiri itu, judul-judul pensejarahan yang lain ialah *Sejarah Singapura Lama* (oleh Bachtiar Effendi), *Raden Adjeng Kartini*: (oleh Rohana Djamil); dan *Semangat Harimau* atau *Hayan Wuruk* atau *Aria Padjang* (oleh Kesomo).

ISI KANDUNGAN

Ditinjau secara keseluruhannya, penulisan-penulisan sejarah yang terdapat, di dalam kedua-dua majalah ini, memang mengandungi peristiwa atau episod-episod yang berkait dengan orang Melayu dan Alam Melayu mereka; khususnya Tanah Melayu dan Indonesia. Episod-episod yang dibicarakan itu termasuklah ketokohan raja, pahlawan dan pemimpin, jatuh banggunnya kerajaan-kerajaan, kedatangan dan penaklukan kuasa-kuasa penjajah dan seterusnya perjuangan

melepaskan diri daripada belenggu penjajahan itu. Satu dorongan yang jelas bagi penerbitan penulisan-penulisan seperti itu ialah untuk memberikan semangat perjuangan kepada masyarakat Melayu pada ketika itu, iaitu dengan mencontohi dan mengingati ketokohan dan keberanian tokoh-tokoh sejarah yang telah lalu. Secara zahirnya semangat perjuangan itu adalah dimaksudkan sebagai semangat membenci dan menentang pihak kuasa-kuasa Barat (Inggeris dan Belanda) yang pernah menjajah Tanah Melayu dan Indonesia sebelum kedua-duanya dikalahkan oleh Jepun dalam Perang Dunia Kedua itu. Sedangkan terhadap kuasa Jepun yang mendakyahkan konsep *Asia untuk Asia* dan *Kawasan Kemakmuran Bersama Asia Timur* itu telah ditonjolkan pula sikap yang sesuai dengan keadaan dan tuntutan ketika itu. Di dalam *Riwayat Malai Sepintas Lalu*, misalnya, Hamka menuliskan bahawa, 'Kami [orang-orang Melayu] lemah, sekarang datang saudara tua kami bangsa Nippon, menuntut balas atas 300 tahun, berakhirnya riwayat pemerintahan Inggeris di Tanah Malai'.²⁶ Sebenarnya jika ditinjau dengan lebih teliti isi kandungannya itu maka secara tersiratnya dorongan untuk perjuangan itu tentulah termasuk juga perjuangan melawan kuasa Jepun itu sendiri walaupun ini hanyalah dinyatakan dengan secara luas atau umum sahaja. Hamka sekali lagi misalnya mengatakan, 'Melayu kian lama kian hilang, Inggeris membesarkan pengaruh datang, Cina berkuasa, Arab berkuasa, Keling berkuasa. Sedangkan Melayu hanya jadi supir..'.²⁷ Walaupun ini merujuk kepada situasi sejarah sebelum perang dan Pendudukan Jepun, namun imbasan atau seruannya adalah jelas bahawa orang Melayu harus menginsafi kedudukan mereka yang semakin dhaif dan tertindas itu.

KESEDARAN SEJARAH

Walaupun hasil pensejarahan dalam zaman Jepun ini tidaklah begitu tinggi nilai akademiknya, namun kehadiran karya-karya itu tetap penting daripada segi kesinambungan pensejarahan Melayu itu dan juga daripada segi menampakkan kesedaran sejarah di kalangan para penyumbang khususnya dan masyarakat Melayu amnya. Dari segi kesedaran sejarah itu, yang ternyata ialah bahawa sejarah itu adalah suatu pengetahuan yang sangat berguna yang boleh dijadikan, iktibar, tauladan, ingatan dan sebagainya bagi mempertingkatkan perjuangan, memperbaiki kedudukan diri dan masyarakat berhadapan dengan keadaan semasa maupun bagi masa yang akan datang. Di dalam *Sejarah Singapura Lama*, Bachtiar Efendi umpamanya menyebut, '... dapatlah para pembaca gambarkan bahawa kota ini di zaman purbakala sudah pernah menggenggam kebesaran dan riwayat yang bergemilangan itu akan dilahirkan semula di zaman Dai Nippon ini'.²⁸ Rohana Djamil dalam *Raden Adjeng Kartini*, menyeru pembaca-pembaca seperti berikut, '... mudah-mudahan tulisan yang serba pendek ini dapatlah menjadi peringatan bagi serikandi perintis jalan itu ... Marilah kaumku puteri Melayu Indonesia, kita mengikuti langkah puteri perintis jalan itu, serikan

di Indonesia yang telah membukakan tirai zaman baru bagi bangsa kita'.²⁹ Ertinya kesedaran sejarah yang dipaparkan adalah sesuatu yang berbentuk fungsional dalam ertikata sejarah itu dilihat sebagai mempunyai fungsi kemasyarakatan seperti menunjuk ajar, mengingatkan dan merangsang serta menginsafkan. Inilah yang diutamakan, terutamanya bagi karya-karya yang telah diterbitkan di dalam majalah *Semangat Asia* dan *Fajar Asia* itu. Bahkan di dalam kedua buah buku yang telah dinyatakan lebih awal tadipun fungsi yang demikian boleh dikesan. Dan kesedaran tentang keobjektifan, kepentingan sumber rujukan serta kaedah penyelidikan yang rapi tidaklah begitu ketara. Walau bagaimana gaya penghuraian khasnya di dalam kedua majalah itu adalah baik dengan bahasa yang kemas serta kreatif.

Akhir kata zaman pendudukan Jepun yang berlangsung selama lebih kurang 3 1/2 tahun tidaklah menampakkan hasil yang memberangsangkan di bidang pensejarahan Melayu. Sangat sedikit karya yang kini dikenalpasti sebagai pensejarahan telah diterbitkan terutamanya dalam bentuk buku atau penerbitan yang berbentuk demikian. Ini memang dapat difahami bagi suatu zaman yang bergelora itu. Namun bagi hasil penulisan yang telah dapat dikesan ia menampakkan bentuk-bentuk pensejarahannya dan juga kesedaran sejarah khasnya di kalangan para penyumbang dan amnya di kalangan masyarakat amnya.

1 Karya ini diterbitkan oleh Matbaah al-Ahmadiyah Singapura. Bagi riwayat hidup pengarang/ sejarawan yang prolitik ini sila lihat terutamanya karya otobiografi beliau sendiri berjudul, *Riwayat Hidup Major Dato' Muhammad Said Johor*, Percetakan Nanyang, Pulau Pinang, t.t. Juga, Muhd. Yusof Ibrahim, *Persejarahan Melayu, 1800-1960*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 17, notakaki 5.

2 Terbitan Matbaah al-Zainiah, Bukit Mertajam. Asalnya merupakan makalah yang disiarkan di dalam *Majalah Guru*, Jil. XV, Oktober, 1938, berjudul *Akhbar-akhbar dan Majalah Melayu keluaran Semenanjung Tanah Melayu* susunannya mengikut Dahulu Kemudian Tarikh Pengeluarannya.

3 Diterbitkan oleh Printers Ltd., Singapura, 1940.

4 Diterbitkan pada tahun 1941, Kota Bharu.

5 Lihat Khoo Kay Kim, 'Local Historians and the Writing of Malaysian History in the Twentieth Century', dlm. *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, (ed.) A.J.S. Reid dan D. Marr., Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Singapore., hlm. 307.

6 Diterjemahkan oleh Major Dato' Haji Muhammad Said Hj. Sulaiman daripada bahasa Inggeris karangan A. Asahi yang telah diterbitkan sebagai lampiran dalam akhbar *Syonan Times*, Ahad, 20 Ogos, 2602 [1942]. Diterbitkan semula dalam bentuk buku oleh Syeikh bin Alwi Syahab, Johor Bahru.

7 Major Dato' Haji Muhammad Said Haji Sulaiman (pentj.), *Semangat Nippon Yang Sebenarnya Diuraikan*, hlm. 4 dan 29-30.

8 Ibid., hlm. 29.

9 Ibid., hlm. 7.

10 Ibid., hlm. 6.

11 Ibid., hlm. 7.

12 Abdullah bin Hamid al-Edrus, *Riwayat Perang Besar yang Kedua*, Penggal Pertama, Singapura, t.t.. Tarikh 1944 itu adalah berdasarkan tarikh di hujung 'Pendahuluan' karya ini. Kemungkinannya beliau telah mula menyusun karya ini pada tahun tersebut dan menerbitkannya kemudian.

13 Ibid., hlm. 6.

14 Ibid., hlm. 8.

15 Ibid

16 Ibid., hlm. 187.

17 *Hikayat Perang Dunia Kedua*, 'Pendahuluan'.

18 Lihat, Rus Ain bt. Abdullah, 'Suratkhbar dan Majalah Melayu di Zaman Jepun 1942-1945: Satu Kajian Ke Atas Perkembangan dan Peranan', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM, Bangi, 1988, hlm. 12. Juga Drs. A.M. Iskandar, *Persuratkhbaran Melayu 1878-1968*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 22-51.

19 Rus Ain bt. Abdullah, 'Suratkhbar dan Majalah', hlm. 6.

20 Ibid., hlm. 3.

21 Ketua Pengarangnya yang pertama ialah Abdul Rahim Kajai dan setelah beliau meninggal dunia pada bulan Disember 1943, beliau telah digantikan oleh Ishak Haji Muhammad.

22 *Semangat Asia*, Jilid I, Bil. 3, Mac, 1943, hlm. 3-9.

23 *Semangat Asia*, Jilid I, Bil. 6, Jun, 1943, hlm. 2-3.

24 Ibid., Jilid II, Bil. I, Jan. 1944, hlm. 17.

24 Ibid., Jilid I, Bil. I, Jun 1943, hlm. II. Juga, Jil. II, Bil. I, Jan. 1944, hlm. 7.

25 *Fajar Asia*, No. 14, 16 Juchigatsu, 2603, hlm. 307.

26 Ibid., No. 9, 28 Rokugatsu, 2603, hlm. 268.

27 Ibid., No. 8, 31 Gogatsu, 2603, hlm. 234.

28 Ibid., No. 7, 15 Gogatsu, 2603, hlm. 223.